

## **Empat penagih dadah ditahan polis ketika sedang khayal**

Posted on April 22, 2015, Wednesday

KUANTAN: Empat lelaki warga tempatan dipercayai penagih dadah diberkas polis dalam serbuan di sebuah rumah dekat Kempadang Makmur di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuantan ACP Abdul Aziz Salleh berkata serbuan jam 5 petang itu dilakukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah bersama anggota Unit Rondaan Bermotosikal serta pasukan petugas dari Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti IPD Kuantan.

“Selepas menerima maklumat daripada orang awam yang mendakwa berlaku aktiviti penagihan dadah di kediaman terbabit, polis kemudiannya menyerbu rumah itu sebelum mendapati suspek sedang asyik berada di bawah pengaruh dadah di dalam sebuah bilik,” katanya kepada Bernama semalam.

Beliau berkata hasil pemeriksaan di rumah itu juga polis menemui 160 biji pil kuda yang diisi di dalam kotak rokok.

Abdul Aziz berkata kesemua suspek yang berusia lingkungan 22 hingga 28 tahun itu dibawa ke IPD Kuantan untuk siasatan lanjut. — Bernama